



PELAJAR baharu SPL diiringi oleh pensyarah dan pelajar senior.

Pelajar baharu SPL diraikan di Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok

UB 21.09.2012 B5

Oleh **ABD NADDIN SAIDDIN**

abdnaddin@yahoo.com

SANDAKAN: Selepas hampir seminggu menjalani kehidupan baharu sebagai mahasiswa di Kampus UMS Sandakan, pihak Sekolah Pertanian Lestari, telah menganjurkan aktiviti lawatan sambil belajar kepada pelajar baharu SPL ke Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok.

Aktiviti itu bertujuan untuk memperkenalkan Sandakan kepada pelajar-pelajar baharu yang kebanyakannya adalah datang dari luar negeri Sabah di samping menyokong mempromosikan program "Jom Lawat Sabah", kata Dekan SPL UMS, Dr. Sitti Raehanah Muhamad Shaleh.

84 orang pelajar baharu sesi 2012/13 yang pertama kali menjajakan kaki di UMS Kampus Sandakan pada 7 September yang lalu adalah terdiri daripada 12 pelajar dari Sabah, 8 pelajar dari Sarawak dan 64 pelajar dari Semenanjung Malaysia. Semua pelajar merasa amat bertuah kerana berpeluang melawat tempat yang bertaraf dunia ini.

Pelajar-pelajar tersebut berasa amat gembira dan teruja apabila dapat melihat dengan sendiri Orang Utan secara dekat. Mereka juga dapat melihat bagaimana para petugas melatih anak-anak Orang Utan cara-

cara memanjat pokok bagi memastikan mereka dapat meneruskan kehidupan di hutan tempat tinggal semulajadi mereka kelak. Para pelajar juga terhibur apabila melihat gelagat Orang Utan keluar untuk mendapatkan makanan iaitu pisang dan susu yang diberikan sebanyak 2 kali sehari.

Program lawatan sebegini dapat memberikan ilham dan membuka minda pelajar baharu SPL tentang pentingnya mengekalkan habitat semulajadi untuk kelestarian kehidupan di alam belantara.

Kesedaran ini sangat relevan dengan bidang Pertanian Lestari yang mereka ceburi. Ini kerana tanpa rasa tanggungjawab terhadap habitat semulajadi, aktiviti pertanian akan dijalankan secara rakus yang akhirnya akan memusnahkan alam sekitar.

Bidang pengajian Pertanian Lestari yang ditawarkan di SPL adalah untuk melatih para pelajar dalam membantu Negara kita mencapai matlamat Sekuriti Makanan. Selari dengan dasar Agro Makanan Negara yang telah menggariskan Dasar Pertanian Negara bagi menangani isu bekalan makanan dan memberikan jaminan makanan yang mencukupi dan selamat untuk dimakan oleh setiap rakyat negara kita.